

1. KEMUDAHAN PEMBIAYAAN AR-RAHNU

- 1.1 Bank Pertanian Malaysia Berhad ("Agrobank" atau "Bank") bersetuju untuk menyediakan Kemudahan Pembiayaan Ar-Rahnu ("Kemudahan Pembiayaan") kepada pelanggan seperti yang dinamakan di dalam Borang Permohonan ("Pelanggan") dan Pelanggan dengan ini terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat ("Terma dan Syarat") yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

2. DEFINISI & TAFSIRAN

Bagi tafsiran Terma dan Syarat ini, perkataan-perkataan berikut akan mempunyai pengertian dan maksud seperti yang dinyatakan selepas ini:-

- "Akad" : Merujuk kepada penawaran (ijab) dan penerimaan (qabul) daripada kedua-dua pihak terhadap transaksi jualan Komoditi tersebut pada harga dan terma-terma yang dipersetujui.
- "Akaun Simpanan Pelanggan" : Merujuk kepada akaun simpanan Pelanggan di Agrobank.
- "Bank" : Merujuk kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad (No. Syarikat: 200801010522 (811810-U)) sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 3, Bangunan Agrobank, Lebuh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur dan alamat perniagaan seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu.
- "Borang Permohonan" : Bermaksud borang permohonan yang lengkap diisi dan dikemukakan oleh Pelanggan kepada Bank bagi tujuan permohonan Kemudahan Pembiayaan.
- "Bulan" : Merujuk kepada bulan Kalendar.
- "Harga Jualan" : Merujuk kepada harga jualan Komoditi oleh Bank kepada Pelanggan seperti yang akan dinyatakan di dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu. Pengiraan Harga Jualan adalah berdasarkan Harga Belian Komoditi (jumlah pembiayaan yang diluluskan) dicampur dengan jumlah Keuntungan Bank (dikira berdasarkan Keuntungan Bulanan bagi tempoh lapan belas (18) bulan / 3 kitaran).
- "Harga" : Merujuk kepada harga kos bagi Komoditi yang dibeli oleh pihak Bank daripada Pembekal Komoditi yang bersamaan dengan jumlah Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan seperti yang diperincikan di dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu.
- "Hari Perniagaan" : Merujuk kepada hari-hari Agrobank atau institusi kewangan berurus niaga seperti yang dikehendaki dalam Terma dan Syarat ini.
- "Komoditi" : Merujuk kepada apa-apa jenis aset yang didagangkan di dalam Platform Dagangan Komoditi yang mana pihak-pihak yang terlibat akan dimaklumkan jenis dan kuantiti aset tersebut. Komoditi merujuk kepada aset yang tersenarai di dalam platform dagangan seperti minyak kelapa sawit mentah atau lain-lain tertakluk kepada penyediaan Komoditi yang halal dan mematuhi prinsip Syariah.
- "Keterhutangan" : Merujuk kepada Harga Jualan dan termasuk amaun lain yang kena dibayar oleh Pelanggan kepada Bank (termasuk apa-apa fi, perbelanjaan, termasuk kos guaman atas dasar ganti rugi sepenuhnya dan sebagainya) di bawah Terma dan Syarat ini dan Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu.
- "Keuntungan Bulanan" : Merujuk kepada jumlah keuntungan bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak Bank bagi setiap RM100 nilai Marhun; tertakluk kepada jumlah Keuntungan Bulanan minimum sebanyak RM10.
- "Marhun" : Merujuk kepada barang cagaran yang terdiri daripada barang kemas emas, syiling emas dan kepingan/bar emas yang mempunyai mutu dan ciri-ciri cagaran yang diterimakan oleh pihak Bank bagi tujuan mendapatkan Kemudahan Pembiayaan. Sekiranya permohonan pembiayaan Pelanggan diluluskan oleh Bank, maklumat berkenaan barang cagaran akan diperincikan dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu.
- "Notis" : Merujuk kepada sebarang notis bertulis atau notis yang dipaparkan melalui medium-medium yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank dari semasa ke semasa termasuk sebarang notis pindaan atau pembetulan.
- "Pembeli Komoditi" : Merujuk kepada pihak ketiga yang akan membeli Komoditi tersebut daripada Pelanggan (Bank sebagai wakil).

"Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu"	: Merujuk kepada Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu yang ditandatangani oleh pihak Bank dan Pelanggan, yang mana dibaca bersama-sama Terma dan Syarat ini serta lain-lain dokumen yang berkaitan.
"Platform Dagangan Komoditi"	: Merujuk kepada platform dagangan komoditi yang diluluskan oleh Bank bagi melaksanakan transaksi pembelian dan penjualan Komoditi.
"Ringgit Malaysia" dan tanda "RM"	: Merujuk kepada mata wang Malaysia.
"Tarikh Cagaran"	: Merujuk kepada tarikh cagaran Marhun dibuat bersamaan dengan tarikh Kemudahan Pembiayaan diluluskan dan pengeluaran Kemudahan Pembiayaan dilaksanakan oleh pihak Bank dan diperincikan dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu.
"Tarikh Akhir Pembayaran Keuntungan"	: Merujuk kepada tempoh masa bagi penyelesaian jumlah Keuntungan Bulanan yang dibilang ke dalam akaun Kemudahan Pembiayaan Pelanggan bagi setiap enam (6) bulan / satu kitaran dikira dari Tarikh Cagaran dibuat. Tertakluk kepada penyelesaian jumlah Keuntungan Bulanan tersebut, Tarikh Akhir Pembayaran Keuntungan akan dilanjutkan untuk tempoh masa enam (6) bulan / satu kitaran lagi sekiranya terdapat pembayaran keatas Keuntungan Bulanan dan seterusnya sehingga mencapai Tarikh Matang Kemudahan Pembiayaan.
"Tarikh Matang"	: Merujuk kepada satu tempoh sah laku bagi Akad <i>Murabahah</i> seperti yang diperincikan di dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu bagi pelunasan Keuntungan Bulanan dan/atau Jumlah Prinsipal Kemudahan Pembiayaan.
"Tawarruq"	: Merujuk kepada satu bentuk transaksi yang terdiri daripada dua (2) kontrak jual beli di mana transaksi pertama melibatkan penjualan Komoditi secara <i>Murabahah</i> oleh penjual (Bank) kepada Pembeli (Pelanggan) pada Harga Jualan (jumlah Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan dicampur dengan jumlah keuntungan Bank) dengan bayaran secara tertangguh, dan kemudiannya Pembeli (Bank sebagai wakil Pelanggan) pada transaksi jualan yang pertama akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak Ketiga (Pembeli Komoditi) secara tunai.
"Proses Undang-undang"	: Merujuk kepada pliding semua jenis proses pemula, permohonan interlokutari atas apa-apa sebab, affidavit perintah dan apa-apa dokumen selain yang disebut di atas yang perlu diserahkan di bawah atau mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, dan surat-menyurat antara kedua-dua pihak, notis di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Insolvensi 1967 dan akta-akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan dan terpakai bagi apa-apa terma dalam Terma dan Syarat ini.

3. KONTRAK SYARIAH

3.1 TAWARRUQ

Kontrak asas bagi Kemudahan Pembiayaan menggunakan kontrak Syariah Tawarruq. Tawarruq merujuk kepada satu bentuk transaksi jual beli Komoditi yang terdiri daripada dua (2) transaksi di mana transaksi pertama melibatkan penjualan Komoditi secara *Murabahah* oleh Penjual (Bank) kepada Pembeli (Pelanggan) pada Harga Jualan (Jumlah Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan dicampur dengan jumlah keuntungan Bank) dengan bayaran secara tertangguh, dan kemudiannya Pembeli (Bank sebagai wakil Pelanggan) pada transaksi jualan yang pertama akan menjual Komoditi tersebut kepada pihak Ketiga (Pembeli Komoditi) secara tunai.

3.2 RAHN

Kontrak asas bagi transaksi cagaran menggunakan kontrak Syariah Rahn. Rahn merujuk kepada satu kontrak di mana satu pihak sebagai Pencagar ("Rahn") membuat gadaian ke atas aset sebagai cagaran ("Marhun") bagi memenuhi liabiliti atau obligasi keterhutangannya kepada satu pihak yang lain iaitu Penerima Cagaran ("Murtahin") sekiranya berlaku kegagalan di pihak Pencagar dalam memenuhi obligasi tersebut.

4. PEMBIAYAAN AR-RAHNU

4.1 PERMOHONAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Permohonan Kemudahan Pembiayaan adalah melalui Borang Permohonan bersama dokumen-dokumen tambahan yang dilampirkan dan dihantar kepada pihak Bank bagi proses penilaian dan kelulusan.

4.2 PENERIMAAN MARHUN SEBAGAI CAGARAN BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Kelulusan bagi Kemudahan Pembiayaan adalah tertakluk kepada mutu dan ciri Marhun yang boleh diterimakai sebagai cagaran oleh pihak Bank bagi menjamin Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan. Dengan membuat permohonan Kemudahan Pembiayaan, Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Marhun yang dijadikan sebagai cagaran adalah merupakan hak milik Pelanggan sepenuhnya dan permohonan yang dibuat merupakan atas kapasiti Pelanggan sendiri tanpa sebarang paksaan atau arahan daripada mana-mana pihak. Seterusnya, Pelanggan dengan ini membentarkan pihak Bank untuk menjalankan ujian ketulenan ke atas Marhun bagi memastikan barang cagaran adalah tulen serta menepati mutu dan piawaian pihak Bank. Sekiranya barang cagaran hilang dalam simpanan Bank, Pelanggan bersetuju untuk menerima wang tunai mengikut nilai Marhun semasa atau nilai Marhun sewaktu cagaran dilakukan (yang mana lebih tinggi) sebagai gantirugi penuh setelah ditolak baki Kemudahan Pembiayaan.

4.3 KELULUSAN DAN PENERIMAAN TAWARAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Kelulusan bagi permohonan Kemudahan Pembiayaan adalah bergantung kepada penilaian latar belakang kredit Pelanggan, ujian ketulenan Marhun dan sebarang keputusan adalah tertakluk kepada budibicara pihak Bank. Sekiranya permohonan Kemudahan Pembiayaan diluluskan, pihak Bank akan menjalankan transaksi pembelian Komoditi melalui mana-mana Platform Dagangan Komoditi yang difikirkan sesuai dan diterimakai oleh pihak Bank mengikut Jumlah Pembiayaan yang diluluskan. Bagi melengkapkan transaksi permohonan Kemudahan Pembiayaan, pihak Bank akan mengeluarkan Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu yang mengandungi butiran terperinci Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan bagi tujuan penerimaan Pelanggan.

4.4 TUJUAN PEMBIAYAAN

Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan oleh Bank akan digunakan oleh Pelanggan khusus bagi tujuan seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan dan tidak bercanggah dengan prinsip Syariah. Walaubagaimanapun, adalah tidak menjadi obligasi kepada pihak Bank bagi memastikan Kemudahan Pembiayaan digunakan oleh Pelanggan bagi tujuan khusus yang disebut di dalam Borang Permohonan.

4.5 HARGA JUALAN

Harga Jualan seperti mana yang diperincikan di dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu adalah dikira berdasarkan Harga Jualan Komoditi Bank kepada Pelanggan iaitu bersamaan Jumlah Kemudahan Pembiayaan yang diluluskan ditambah dengan Jumlah Keuntungan Bank (untuk tempoh lapan belas (18) bulan dan merupakan harga siling yang akan dibayar oleh Pelanggan pada Tarikh Matang dengan bayaran secara tertangguh. Formula pengiraan bagi Harga Jualan adalah seperti berikut:-

$$\text{Jumlah Kemudahan Pembiayaan (RM)} + [\text{Keuntungan Bulanan RM}] \times 18 \text{ bulan}$$

4.6 KEUNTUNGAN BULANAN

Bayaran keuntungan Bank dikira secara bulanan mengikut kadar yang dipersetujui semasa permohonan Kemudahan Pembiayaan dibuat dan jumlah Keuntungan Bulanan bagi tempoh enam (6) bulan / satu kitaran hendaklah dijelaskan Pelanggan sebelum atau pada Tarikh Akhir Pembayaran Keuntungan seperti mana yang diperincikan di dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu. Pengiraan Keuntungan Bulanan menggunakan formula yang berikut:-

$$\text{Nilai Marhun (RM)} \times \text{Kadar Keuntungan Bulanan} / \text{RM}100 \times 6 \text{ bulan; ATAU RM}10; \text{ yang mana lebih tinggi.}$$

Pelanggan perlu menjelaskan Keuntungan Bulanan bagi tempoh enam (6) bulan (setiap kitaran) sebelum atau pada Tarikh Akhir Pembayaran Keuntungan; mengikut jumlah yang dibilang kepada Pelanggan.

4.7 TEMPOH KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Tempoh Kemudahan Pembiayaan bagi Kemudahan Pembiayaan ini adalah selama lapan belas (18) bulan / tiga kitaran bermula dari Tarikh Cagaran sehingga Tarikh Akhir Pembayaran Keuntungan seperti mana yang diperincikan di dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu. Pelanggan boleh melanjutkan Tarikh Akhir Pembayaran Keuntungan untuk tempoh enam (6) bulan / satu (1) kitaran lagi tertakluk kepada pelunasan jumlah Keuntungan Bulanan seperti yang dinyatakan pada Klausa 4.6. Tarikh Akhir Pembayaran Keuntungan yang dilanjutkan adalah tidak melebihi dari Tarikh Matang Kemudahan Pembiayaan.

5. PROSEDUR PELAKSANAAN TRANSAKSI TAWARRUQ BERHUBUNG KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

5.1 LANTIKAN BANK SEBAGAI EJEN PELANGGAN (“WAKIL”)

5.1.1 Dengan membuat permohonan Kemudahan Pembiayaan ini, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk melantik Bank sebagai Wakil dan Bank menerima lantikan tersebut berdasarkan konsep Syariah *Wakalah* untuk melaksanakan tindakan bagi pihak Pelanggan bagi melengkapkan prosedur pelaksanaan transaksi *Tawarruq* dan tidak terhad kepada tindakan-tindakan berikut:-

- (a) menjual Komoditi kepada mana-mana pihak ketiga pada Harga Kos dan secara tunai;
- (b) mengambil milikan Komoditi (samada secara fizikal atau konstruktif);
- (c) menerima bayaran Harga Kos bagi pihak Pelanggan;
- (d) menyerahkan milikan dan hakmilik Komoditi tersebut kepada pihak ketiga iaitu pembeli Komoditi;
- (e) menandatangi dan menyempurnakan semua dokumen dan melakukan semua tindakan dan memantau serta melaksanakan semua kewajipan yang perlu dilakukan berkaitan dengan Perjanjian ini atau yang dikenakan di bawah mana-mana perjanjian penjualan Komoditi tersebut kepada pihak ketiga; dan
- (f) melaksanakan semua tugas pentadbiran berhubung dengan pegangan dan penjualan Komoditi dan peruntukan kewangan terhadapnya.

5.1.2 Pelanggan bersetuju bahawa:-

- (a) Pelantikan Bank hendaklah berkuatkuasa dari masa permohonan Kemudahan Pembiayaan dibuat sehingga Tarikh Matang Kemudahan Pembiayaan dan Bank bersetuju untuk bertindak sebagai Wakil kepada Pelanggan tanpa mengenakan sebarang bayaran;
- (b) Berhubung dengan kuasa, kebenaran dan kewajipan di bawah Terma dan Syarat ini, Bank hendaklah bertindak sebagai Wakil tidak eksklusif bagi pihak Pelanggan di atas dasar perjanjian-perjanjian setakat mana yang diperuntukkan di sini;
- (c) Lantikan Bank tidak akan mewujudkan atau boleh dianggap mewujudkan satu perkongsian atau usaha sama antara pihak-pihak, juga tidak mewujudkan hubungan sebagai prinsipal atau Wakil dalam mana-mana hubungan antara pihak-pihak lain;
- (d) Bank hendaklah pada setiap masa bertindak sebagai wakil Pelanggan dengan sentiasa menjaga kepentingan Pelanggan dan identiti Bank sebagai ejen tidak perlu didedahkan serta Bank juga tidak perlu mendedahkan bahawa Bank adalah bertindak sebagai wakil Pelanggan kepada mana-mana pihak ;
- (e) Bank tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kerugian yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada transaksi *Tawarruq* yang dilaksanakan oleh Bank melainkan kerugian tersebut adalah disebabkan oleh apa-apa salah laku atau kecuaian pihak Bank atau pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat Terma dan Syarat ini oleh Bank;
- (f) Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kontrak jual beli yang dibuat oleh Bank sebagai wakil Pelanggan yang mengikut terma-terma dan syarat-syarat dalam Terma dan Syarat ini Pelanggan boleh memohon daripada Bank maklumat berkenaan spesifikasi Komoditi yang terlibat dalam transaksi *Tawarruq* termasuk lokasi, jenis kualiti dan kuantiti Komoditi tersebut.

5.2 TRANSAKSI PEMBELIAN KOMODITI OLEH PIHAK BANK

5.2.1 Tertakluk kepada kelulusan Kemudahan Pembiayaan, Bank akan membeli Komoditi pada Harga Belian (mengikut jumlah pembiayaan yang diluluskan) daripada Pembekal Komoditi menggunakan platform dagangan Komoditi yang diterimakan oleh pihak Bank.

5.2.2 Transaksi pembelian Komoditi akan dilaksanakan melalui pesanan di atas talian menerusi sistem Bank kepada sistem Pembekal Komoditi secara automatik.

5.2.3 Transaksi pembelian Komoditi dianggap selesai setelah Bank menerima maklumbalas melalui sistem berkenaan status pemindahan pemilikan Komoditi daripada Pembekal Komoditi kepada Bank.

5.3 PERJANJIAN PEMBIAYAAN AR-RAHNU

5.3.1 Setelah transaksi pembelian Komoditi selesai, Bank akan mencetak Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu bagi tujuan penerimaan Pelanggan. Pelanggan boleh memohon dari pihak Bank berkenaan butiran terperinci Komoditi yang diakadkan dan pihak Bank akan memberikan butiran terperinci Komoditi tersebut hanya sekiranya dipohon oleh pihak Pelanggan. Pelanggan dengan ini boleh melaksanakan penerimaan mengikut pilihan yang berikut:-

- (a) Mendapatkan Tunai

Pelanggan dengan ini membeli Komoditi daripada pihak Bank pada Harga Jualan (Harga Kos dicampurkan Keuntungan Bank) dengan bayaran secara tangguh seperti yang diperincikan di dalam Perjanjian Pembiayaan

Ar-Rahnu dan Pelanggan adalah terikat dengan syarat-syarat lantikan Bank sebagai Wakil untuk menjual Komoditi tersebut kepada Pembeli Komoditi secara tunai. Hasil jualan Komoditi tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan Pelanggan di Agrobank; atau

(b) Menyimpan Komoditi

Pelanggan dengan ini membeli Komoditi daripada pihak Bank pada Harga Jualan (Harga Kos dicampurkan Keuntungan Bank) dengan bayaran secara tangguh seperti yang diperincikan di dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu. Pelanggan dengan ini bersetuju untuk menerima dan menyimpan Komoditi; dan kesemua caj dan kos tambahan yang terlibat bagi proses penghantaran akan ditanggung dan diselesaikan oleh Pelanggan mengikut prosedur dan tempoh masa yang ditetapkan oleh Pembekal Komoditi. Pelanggan dengan ini bersetuju tidak akan mendapat wang tunai sekiranya memilih opsyen ini (menyimpan komoditi).

(c) Membatalkan Permohonan Kemudahan Pembiayaan

Pelanggan dengan ini membatalkan permohonan Kemudahan Pembiayaan dan pengeluaran Jumlah Pembiayaan tidak akan dilaksanakan oleh pihak Bank.

5.3.2 Setelah kontrak jualan seperti mana Klaus 5.3.1 (a) di atas dimuktamadkan:

5.3.2.1 Pelanggan akan mendapat hakmilik Komoditi seperti mana yang diterima oleh Bank daripada pembekal komoditi tanpa sebarang sekatan. Bank tidak akan dianggap memberi apa-apa jaminan atau representasi (nyata atau tersirat) sama ada yang berbangkit oleh undang-undang, statut atau selainnya dan, tanpa menjelaskan hak yang tersebut di atas, sebarang jaminan atau representasi tersebut oleh Bank adalah dengan ini dikecualikan sepenuhnya yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang; dan

5.3.2.2 semua risiko dalam Komoditi hendaklah berpindah kepada Pelanggan.

5.3.3 Komoditi tersebut dijual atas dasar seperti sedia ada (*as it is basis*) dan Pelanggan mengakui bahawa:-

- (i) Pelanggan mengenepikan haknya ke atas mana-mana pemberian kecacatan Komoditi tersebut;
- (ii) Pelanggan akan dianggap telah menerima Komoditi tersebut atas dasar tersebut dan tiada sebarang remedii terhadap Bank berkaitan dengan kualiti, keadaan, kuantiti, deskripsi, hakmilik atau selainnya; dan
- (iii) Pelanggan mengenepikan apa-apa tuntutan yang boleh diambil ke atas Bank berkaitan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami/ditanggung oleh pegawainya, pekerjaannya atau ejennya yang timbul dari atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini atau selainnya (bagaimanapun juga dibangkitkan) berkaitan dengan atau berbangkit daripada mana-mana Transaksi Tawarruq dan/atau pembelian Komoditi daripada pembekal komoditi.

5.4 JUALAN KOMODITI OLEH PELANGGAN (BANK SEBAGAI WAKIL) KEPADA PIHAK KETIGA

5.4.1 Setelah transaksi jualan Komoditi oleh Bank kepada Pelanggan dan lantikan Bank sebagai Wakil jualan Komoditi bagi pihak Pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Klaus 5.1, Bank kemudiannya menjual Komoditi kepada Pembeli Komoditi melalui pesanan di atas talian menerusi sistem Bank kepada sistem Pembekal Komoditi secara automatik pada Harga Kos dengan bayaran secara tunai dan serta merta. Hasil jualan Komoditi tersebut adalah dikira sebagai wang Kemudahan Pembiayaan untuk manfaat Pelanggan setelah ditolak segala fi dan caj berkaitan (sekiranya ada).

5.4.2 Komoditi tersebut hendaklah diterima dan dijual atas dasar seperti sedia ada dalam setiap keadaan tanpa apa-apa jaminan atau representasi kepada mana-mana pihak ketiga dan / atau pembeli.

5.4.3 Pelanggan dengan ini tanpa syarat dan tanpa boleh batal mengenepikan semua dan apa-apa hak atau tuntutan, sama ada di bawah undang-undang, ekuiti atau selain daripadanya yang mungkin Pelanggan boleh ambil terhadap Bank yang timbul daripada atau berkaitan dengan pelaksanaan kebenaran dan kuasa Bank yang telah diberikan melalui Terma dan Syarat ini dan/atau Transaksi Tawarruq, melainkan ia adalah disebabkan oleh kesalahan yang disengajakan atau kecuaian yang nyata oleh Bank.

5.4.4 Pelanggan dengan ini bersetuju dengan tanpa syarat dan tidak boleh batal mengakujanji kepada Bank bahawa Pelanggan akan, apabila diminta, untuk menanggung rugi Bank dan hendaklah sentiasa memastikan Bank dilindungi daripada apa-apa tindakan, prosiding, tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan (termasuk dan tidak terhad kepada semua kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung dalam apa-apa pertikaian atau pembelaan atau apa-apa yang dinyatakan di atas dasar ganti rugi sepenuhnya), yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada atau berhubung dengan kawalan, pemilikan atau penggunaan Komoditi oleh Pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kerosakan atau kecederaan kepada orang atau harta dan kos dan liabiliti yang disebabkan oleh tuntutan tersebut) dan/atau yang boleh dibuat atau dibawa terhadap Bank atau yang Bank mungkin alami atau tanggung akibat daripada atau berkaitan dengan perlaksanaan kuasa Bank yang diberikan melalui Terma dan Syarat ini dan/ atau Transaksi Tawarruq.

6. PROSEDUR PELAKSANAAN RAHN

6.1 CIRI-CIRI BARANG CAGARAN

- 6.1.1 Penerimaan Marhun sebagai Cagaran bagi menjamin Kemudahan Pembiayaan ini adalah terdiri daripada barang kemas emas, syiling emas ("gold coin") serta kepingan/bar emas ("gold wafer/bar") mengikut mutu, ciri-ciri dan gred yang boleh diterimakan sebagai Cagaran dan ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- 6.1.2 Penerimaan syiling emas dan kepingan / bar emas yang diterima oleh Bank bagi menjamin Kemudahan Pembiayaan ini adalah yang dikeluarkan oleh Kijang Emas dan semua syarikat pengedar / menjual, koperasi, kedai emas yang dibenarkan oleh Bank.
- 6.1.3 Dengan membuat permohonan Kemudahan Pembiayaan, Pelanggan bersetuju untuk mencagarkan Marhun kepada pihak Bank bagi menjamin obligasi Keterhutangan Pelanggan. Pihak Bank akan melaksanakan ujian ketulenan emas bagi menentukan mutu dan gred Marhun sebagai pra-syarat kelulusan Kemudahan Pembiayaan.
- 6.1.4 Sekiranya dari semasa ke semasa, pihak Bank mendapati atau mengesyaki ketulenan Marhun tersebut semasa tempoh cagaran, Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran untuk pihak Bank melaksanakan ujian ketulenan emas yang bersesuaian dan Pelanggan bersetuju tidak akan membuat tuntutan gantirugi terhadap pihak Bank sekiranya terdapat sebarang kecacatan atau kerosakan atau susutnilai pada Marhun tersebut disebabkan oleh tujuan tersebut.

6.2 TENDER JUALAN BARANG CAGARAN

- 6.2.1 Bank berhak untuk melaksanakan Tender Jualan ke atas barang cagaran sekiranya Pelanggan gagal/mungkin dalam menjelaskan bayaran jumlah Keuntungan Bulanan selepas Tarikh Akhir Pembayaran Keuntungan dan/atau jumlah Keterhutangan yang harus dibayar mengikut tempoh yang ditetapkan setelah notis yang secukupnya dihantar ke alamat terakhir Pelanggan yang didaftarkan di Bank seperti berikut:-
 - (i) Notis Peringatan Pertama
 - (ii) Notis Peringatan Kedua
 - (iii) Notis Peringatan Terakhir.
- 6.2.2 Sekiranya Pelanggan masih gagal untuk menjelaskan pembayaran keuntungan/ Keterhutangan yang harus dibayar setelah berakhir tempoh notis seperti klausula 6.2.1 (iii) di atas, Tender Jualan akan dilaksanakan mengikut turutan seperti berikut:-
 - A. Tender Jualan Berpusat (Ibu Pejabat)
 - (i) Tender Jualan dilaksanakan setiap bulan.
 - B. Tender Jualan di peringkat Cawangan
 - (i) Tender Jualan Pertama dilaksanakan selepas tamat tempoh Notis Peringatan Terakhir.
 - (ii) Tender Jualan Kedua dilaksanakan sekiranya Tender Jualan Pertama gagal disempurnakan.
 - (iii) Tender Jualan Terakhir secara tertutup akan dilakukan sekiranya Tender Jualan Kedua gagal dilaksanakan.
- 6.2.3 Sekiranya terdapat lebihan hasil Tender Jualan setelah ditolak jumlah Keterhutangan Pelanggan dan apa-apa kos yang terlibat dengan proses Tender Jualan, lebihan tersebut akan dipulangkan kepada Pelanggan melalui pengkreditan ke dalam akaun atau apa-apa saluran perbankan yang boleh digunakan.
- 6.2.4 Sekiranya hasil Tender Jualan Barang Cagaran adalah tidak mencukupi bagi menyelesaikan jumlah Keterhutangan Pelanggan, Bank berhak menuntut baki Keterhutangan di bawah Kemudahan Pembiayaan tersebut daripada Pelanggan termasuk mengambil tindakan undang-undang ke atas Pelanggan.
- 6.2.5 Pelanggan tidak dibenarkan untuk membuat penebusan sekiranya Barang Cagaran telah dipamerkan di dalam tender jualan di cawangan atau telah disenaraikan di dalam Tender Jualan Berpusat di Ibu Pejabat. Pelanggan boleh mengemukakan bidaan semasa sesi Tender Jualan berlangsung di cawangan dan bagi Tender Jualan Berpusat di Ibu Pejabat Pelanggan tidak di benarkan .

6.3 HARGA RIZAB

- 6.3.1 Harga Rizab ("Reserved Price") untuk Barang Cagaran di dalam Tender Jualan adalah ditentukan dengan mengurangkan harga Nilaian Marhun mengikut kekerapan Tender Jualan seperti berikut:-
 - A. Harga Rezab di peringkat Ibu Pejabat
 - (i) Bagi setiap Tender Jualan Berpusat, Harga Rizab adalah 85% daripada nilai Marhun Semasa.
 - B. Harga Rezab di peringkat Cawangan
 - (i) Bagi Tender Jualan Pertama, Harga Rizab adalah 90% daripada nilai Marhun Semasa.
 - (ii) Bagi Tender Jualan Kedua, Harga Rizab adalah 80% daripada nilai Marhun Semasa.
 - (iii) Bagi Tender Jualan Terakhir, Harga Rizab adalah 70% daripada nilai Marhun Semasa.

7. PENGELUARAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Pengeluaran Kemudahan Pembiayaan dilaksanakan oleh pihak Bank setelah prosedur pelaksanaan transaksi *Tawarruq* berjaya dilaksanakan dan jumlah pengeluaran adalah bersamaan dengan jumlah Kemudahan Pembiayaan bersih setelah ditolak segala fi atau kos seperti yang diperincikan di dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu. Bagi tujuan pengeluaran wang pembiayaan ke dalam akaun Pelanggan, Pelanggan digalakkan untuk membuka akaun simpanan ("Akaun Simpanan Pelanggan") mengikut saranan Bank dan segala pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan ke dalam Akaun Simpanan Pelanggan tersebut adalah dianggap sebagai pembayaran sepenuhnya Harga Kos Komoditi tersebut.

8. SYARAT-SYARAT SEBELUM PENGELUARAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Kemudahan Pembiayaan ini akan dikeluarkan secara sekaligus ke dalam Akaun Simpanan Pelanggan hanya setelah syarat-syarat sebelum pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan dipenuhi seperti mana berikut:-

- 8.1 Permohonan Kemudahan Pembiayaan Pelanggan diluluskan oleh Bank;
- 8.2 Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu telah disempurnakan oleh Pelanggan;
- 8.3 Transaksi *Tawarruq* telah sempurna dilaksanakan oleh Bank bagi pihak Pelanggan;
- 8.4 Bank berpuas hati bahawa pelaksanaan Terma dan Syarat ini tidak melanggar mana-mana undang-undang, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan atau kontrak atau apa-apa sekatan lain yang mengikat Pelanggan;
- 8.5 Penerimaan oleh Bank semua akuanji dan pengesahan yang diperlukan dan memuaskan Bank (jika berkenaan);
- 8.6 Bahawa Bank berpuas hati bahawa Pelanggan telah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini;
- 8.7 Pelanggan telah membayar segala kos, fi atau kenaan lain yang perlu dibayar oleh Pelanggan berkaitan dengan Kemudahan Pembiayaan ini;
- 8.8 Segala representasi dan waranti yang dinyatakan dalam Klause 12 adalah tepat dan benar dalam segala aspek semasa pengeluaran wang tersebut dibuat dan akan sentiasa tepat dan benar bagi setiap pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan yang dibuat;
- 8.9 Tiada berlakunya mana-mana perkara kemungkiran seperti mana yang dinyatakan dalam Klause 16 pada tarikh pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan tersebut;

9. PENGGANTUNGAN DAN PEMBATALAN

Walaupun segala syarat-syarat sebelum pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan dipatuhi oleh Pelanggan dan sehingga Bank berpuas hati dengan pematuhan syarat-syarat tersebut, Bank berhak membatalkan atau menamatkan atau menangguhkan pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan tersebut atau mana-mana bahagian pengeluaran Kemudahan Pembiayaan tersebut dengan serta merta tanpa perlu memberi sebarang notis kepada Pelanggan mengenai pembatalan, penamatan atau penangguhan pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan.

10. PENEPIAN KE ATAS SYARAT-SYARAT PENGELUARAN WANG

Adalah diakui bahawa syarat-syarat sebelum pengeluaran wang bagi Kemudahan Pembiayaan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini adalah bertujuan bagi menjaga kepentingan Bank dan Bank mempunyai hak dan kuasa untuk melepaskan sepenuhnya atau sebahagiannya tanpa memprejudisikan kepentingan Bank di dalam Terma dan Syarat ini dan pelepasan tersebut tidak akan menghalang Bank untuk Pelanggan mematuhi syarat-syarat sebelum pengeluaran wang yang telah dilepaskan bagi Kemudahan Pembiayaan tersebut pada bila-bila masa kemudiannya.

11. PEMBAYARAN AWAL HARGA JUALAN

- 11.1 Pelanggan boleh membuat penjelasan awal bagi keseluruhan Kemudahan Pembiayaan dan menebus barang cagaran atau membuat penjelasan awal mana-mana bahagian Kemudahan Pembiayaan pada bila-bila masa sebelum tamat Tempoh Kemudahan Pembiayaan dengan menghadirkan diri di cawangan asal,
- 11.2 Rebat (*Ibra*) akan diberikan kepada Pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu keadaan (tetapi tidak terhad kepada) berikut:-
 - (i) Pelanggan membuat penjelasan awal, penebusan awal atau membuat bayaran awal sebelum Tarikh Matang;
 - (ii) Pelanggan membuat penjelasan Kemudahan Pembiayaan asal disebabkan pelaksanaan penstrukturran pembiayaan;
 - (iii) Penjelasan oleh Pelanggan dalam kes kemungkiran yang mana walaupun Pelanggan mungkir, Pelanggan kemudiannya membuat bayaran keseluruhan Keterhutangan di bawah Pembiayaan sebelum Tarikh Matang tersebut;
 - (iv) Penjelasan oleh Pelanggan disebabkan pembatalan atau penamatan pembiayaan sebelum Tarikh Tamat Tempoh Aqad.

Jumlah rebat/*ibra'* pada masa penyelesaian awal sebelum Tarikh Matang adalah seperti berikut:-

<i>Ibra'</i> Pada Masa Penjelasan = Keuntungan Tertangguh

12. REPRESENTASI DAN WARANTI OLEH PELANGGAN

Pelanggan dengan ini memberikan representasi dan waranti kepada Bank seperti berikut:-

- 12.1 Pelanggan merupakan individu warganegara Malaysia yang sah di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai kuasa untuk memiliki aset dan untuk memasuki sebarang Kontrak;
- 12.2 Pelanggan mempunyai hak sepenuhnya di bawah undang-undang, kuasa dan kapasiti untuk melaksanakan apa-apa obligasi di bawah Terma dan Syarat ini dan segala tindakan/kebenaran yang diperlukan telah diperolehi bagi pelaksanaan Terma dan Syarat ini;
- 12.3 Penerimaan Kemudahan Pembiayaan tersebut tidak menjadi perkara-perkara kemungkiran di bawah mana-mana perjanjian antara Pelanggan dengan mana-mana pihak yang berkenaan;
- 12.4 Terma dan Syarat ini hendaklah menjadi kewajipan undang-undang, sah dan mengikat pelanggan selaras dengan terma dan syarat yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini dan perlaksanaan Terma dan Syarat ini tidak tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan atau perintah-perintah Mahkamah;
- 12.5 Pelanggan tidak mungkir mana-mana perjanjian yang mana Pelanggan adalah pihak kepada perjanjian tersebut dan tiada tuntutan cukai, litigasi atau prosiding lain yang sedang diambil tindakan atau belum selesai yang boleh menjelaskan keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan obligasinya di dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu dan Terma dan Syarat ini;
- 12.6 Semua bayaran menurut Terma dan Syarat ini tidak melanggar mana-mana undang-undang kawalan pertukaran matawang yang mengikat Pelanggan.
- 12.7 Tidak ada apa-apa perubahan yang material pada kedudukan kewangan pelanggan sejak tarikh permohonan Kemudahan Pembiayaan oleh Pelanggan;
- 12.8 Maklumat yang diberikan oleh Pelanggan berhubung dengan Kemudahan Pembiayaan ini tidak mengandungi apa-apa penyataan yang tidak benar atau gagal menyatakan apa-apa fakta penting yang membuat kenyataan tersebut mengelirukan dan Pelanggan telah mendedahkan secara bertulis kepada Bank sepenuhnya semua fakta-fakta yang berkaitan dengan Pelanggan yang Pelanggan ketahui/dalam pengetahuan Pelanggan atau secara munasabahnya yang Bank perlu tahu dan yang akan menjadi maklumat material kepada Bank bagi memberikan Pembiayaan ini;
- 12.9 Tiada berlaku perkara-perkara kemungkiran atau tiada perkara-perkara yang berlaku semasa melalui proses pemberian notis atau peluputan masa yang akan menyebabkan kemungkiran berlaku;
- 12.10 Barang Cagaran yang dikemukakan oleh Pelanggan kepada Bank adalah milik Pelanggan dan ianya adalah tulen.

13. KEBENARAN KE ATAS REPRESENTASI DAN WARANTI

- 13.1 Pelanggan mengakui bahawa Bank memberikan Kemudahan Pembiayaan ini berdasarkan kepada segala representasi dan waranti yang dinyatakan dalam Klausus 12 dan representasi dan waranti tersebut hendaklah sentiasa betul dan dipatuhi dalam semua aspek selagi mana Pembiayaan ini diberikan oleh Bank.
- 13.2 Segala penyataan representasi dan waranti yang dinyatakan di Klausus 12 merupakan asas bagi komitmen Bank untuk membenarkan dan atau meneruskan Kemudahan Pembiayaan ini kepada Pelanggan dan jika apa-apa representasi dan waranti yang dibuat didapati telah tidak betul dalam apa-apa sebab, maka:
 - (a) Bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas Pelanggan dan/atau mengkaji semula, menarik balik atau menamatkan mana-mana bahagian Kemudahan Pembiayaan ini atau keseluruhan Pembiayaan ini dengan memberi notis munasabah kepada pihak Pelanggan;
 - (b) Bank mempunyai hak untuk membatalkan atau menamatkan atau menangguhkan pengeluaran wang Kemudahan Pembiayaan tersebut atau mana-mana bahagian pengeluaran Kemudahan Pembiayaan tersebut; dan/atau
 - (c) Pelanggan hendaklah menggantirugi pihak Bank atas segala kerugian, kerosakan, tuntutan, prosiding, tindakan, penalti dan perbelanjaan (tidak terhad kepada kos guaman atas dasar indemniti penuh) yang ditanggung oleh atau dibuat ke atas Bank pada bila-bila masa oleh mana-mana pihak bersabit dengan representasi dan waranti Pelanggan yang tidak betul tersebut.

14. AKU JANJI AFIRMATIF

Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi akuanji kepada Bank selagi Terma dan Syarat ini masih berkuatkuasa atau mana-mana pembayaran Kemudahan Pembiayaan tersebut masih terhutang bahawa Pelanggan hendaklah:-

- 14.1 memaklumkan kepada Bank sekiranya berlaku mana-mana perkara kemungkinan atau kemungkinan berkaitan keterhutangan Pelanggan atau mana-mana perkara yang boleh menjelaskan keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan obligasi-obligasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini;
- 14.2 memastikan bahawa bayaran sumbangan yang berkaitan dengan takaful (sekiranya terpakai) hendaklah sentiasa dikekalkan atau diperbaharui sekiranya tamat tempoh;
- 14.3 mengemukakan kepada Bank secara bertulis berkenaan:-
 - 14.3.1 apa-apa prosiding undang-undang, litigasi atau tuntutan yang melibatkan Pelanggan;
 - 14.3.2 apa-apa perkara yang telah menjelaskan atau mungkin menjelaskan keupayaan Pelanggan untuk memenuhi obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini, kedudukan kewangan atau keupayaan untuk pembayaran Pembiayaan tersebut; dan
- 14.4 memaklumkan Bank mana-mana Pembiayaan tambahan yang ditanggung oleh Pelanggan.

15. AKU JANJI YANG DILARANG KE ATAS PELANGGAN

Pelanggan bersetuju dan mengaku janji kepada Bank selagi mana Terma dan Syarat ini masih berkuatkuasa dan selagi mana pembayaran Kemudahan Pembiayaan tersebut masih belum berbayar bahawa pelanggan tidak akan membuat apa-apa perubahan ke atas Kemudahan Pembiayaan ini tanpa persetujuan bertulis dari Bank.

16. KEJADIAN KEMUNGKIRAN

16.1 Pelanggan akan dikira melakukan kemungkiran jika Pelanggan mengugut untuk melakukan pelanggaran/keingkaran mana-mana akuanji, jaminan, syarat, terma/peruntukan yang telah dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini dan/atau Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu atau jika berlaku kejadian/perkara seperti berikut:

- (i) Pelanggan gagal/mungkir dalam menjelaskan pembayaran ansuran/Keterhutangan yang harus dibayar pada tarikh yang ditetapkan; atau
- (ii) Pelanggan gagal mematuhi mana-mana notis yang dikeluarkan oleh pihak Bank yang meminta mereka membentulkan mana-mana pelanggaran terma/syarat Terma dan Syarat ini dan/atau Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu dalam masa yang ditetapkan; atau
- (iii) Pelanggan gagal mematuhi atau melaksanakan mana-mana perjanjian, jaminan, terma/syarat perjanjian dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu dan/atau Terma dan Syarat ini; atau
- (iv) Pelanggan membenarkan apa-apa perintah mahkamah terhadap mereka atau menjadi bankrap atau menandatangani mana-mana penyelesaian dengan atau untuk faedah pemutang lain; atau
- (v) Kesahihan terma-terma dalam Terma dan Syarat ini dan/atau Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu dipertikaikan atau dicabar oleh mana-mana pihak; atau
- (vi) Berlaku sesuatu kejadian atau terjadi satu situasi yang pada pandangan atau pendapat pihak Bank jika Kemudahan Pembiayaan ini diteruskan akan mendatangkan kerugian kepada pihak Bank atau meletakkan Bank dalam keadaan yang tidak stabil; atau
- (vii) Berlaku keadaan yang pada pendapat Bank, Pelanggan tidak dapat menjelaskan jumlah Keterhutangan mengikut syarat dan terma yang telah dipersetujui.

16.2 Jika perkara di atas berlaku, maka:

- (i) semua jumlah Keberhutangan yang perlu dibayar oleh pihak Pelanggan di bawah Kemudahan Pembiayaan Terma dan Syarat ini akan menjadi genap masa/ matang dan mesti dibayar;
- (ii) pihak Bank berhak menamatkan Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu dan menuntut pembayaran sepenuhnya jumlah Keberhutangan di bawah Kemudahan Pembiayaan dengan memberi notis munasabah kepada pihak Pelanggan; dan
- (iii) pihak Bank juga berhak untuk melaksanakan hak-hak yang lain di bawah Terma dan Syarat ini.

17. MENGIKAT WARIS PENGGANTI

Terma dan Syarat ini mengikat Pelanggan dan waris, wasi, pentadbir, wakil dan pengganti hak milik Pelanggan dan bagi pihak Bank, pengganti hak milik dan penyerah hak Bank.

18. SUMBANGAN TAKAFUL KREDIT

Pelanggan digalakkan untuk mengambil pelan perlindungan Takaful Kredit dari mana-mana syarikat Takaful yang difikirkan sesuai oleh pelanggan dan dipersetujui oleh Bank dengan jumlah perlindungan sepertimana yang diperincikan di dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu. Kepentingan Bank sebagai penerima manfaat (Benefisiari) hendaklah dimasukkan di dalam polisi Takaful tersebut termasuk klausa bahawa pembatalan polisi tidak boleh dilakukan melainkan dengan izin Bank. Jumlah sumbangan Takaful adalah bergantung kepada sebutharga yang dipersetujui dan sekiranya terpakai hendaklah ditolak daripada Jumlah Kemudahan Pembiayaan. Walaubagaimanapun, pengambilan pelan perlindungan Takaful Kredit dari Syarikat panel Takaful Bank adalah digalakkan bagi menjaga kepentingan Pelanggan dan Bank.

19. HAK-HAK BANK

19.1 PENEPIAN

Tiada sebarang kegagalan, kecuaian atau kelewatan di pihak Bank dalam menjalankan atau tidak menjalankan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedи oleh Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau cagaran-cagaran yang disebutkan dalam Terma dan Syarat ini yang disebabkan oleh kemungkinan yang dilakukan oleh Pelanggan akan memudaratkan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedи Bank atau disifatkan sebagai pelepasan hak Bank ke atas Pelanggan atau persetujuan di atas kemungkinan tersebut atau bagi kemungkinan yang lain atau kemungkinan yang kemudiannya.

19.2 HAK BANK UNTUK MENOLAK SELESAI (SET OFF)

Tanpa menjaskan remedи lain yang boleh dilaksanakan oleh Bank, pihak Bank adalah dibenarkan pada bila-bila masa menolak selesai (set-off) atau memindahkan apa-apa baki atau jumlah dalam mana-mana akaun Pelanggan dengan mana-mana cawangan Bank untuk menyelesaikan apa-apa tanggungan Pelanggan dengan Bank di bawah Terma dan Syarat ini.

19.3 HAK BANK UNTUK MENDEBIT AKAUN

Bank adalah dibenarkan mendebit mana-mana akaun Pelanggan dengan mana-mana cawangan Bank untuk segala kos dan perbelanjaan yang terakru seperti yang diperuntukan di bawah Terma dan Syarat ini termasuk apa-apa kos yang perlu dibayar oleh Pelanggan.

19.4 HAK UNTUK MEMINDA DAN MEMBATALKAN TERMA DAN SYARAT

Pihak Bank dan Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa:

- Kemudahan Pembiayaan dan/atau peruntukan-peruntukan serta terma-terma di bawah Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu dan/atau Terma dan Syarat ini boleh, dari semasa ke semasa, diubah atau dipinda secara bertulis. Pihak Bank berhak, tertakluk kepada prinsip Syariah (sekiranya terpakai), mengubah dan/atau meminda Kemudahan Pembiayaan dan/atau peruntukan-peruntukan serta terma-terma di bawah Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu dan/atau Terma dan Syarat.,.
- Pihak Bank adalah tidak berhak pada bila-bila masa membatalkan Kemudahan Pembiayaan yang diberikan atau mana-mana bahagian Kemudahan Pembiayaan yang telah dikeluarkan sepenuhnya atau selepas Kemudahan Pembiayaan dikeluarkan atau sebelum tamat Tempoh Kemudahan Pembiayaan.

19.5 PERUBAHAN KEADAAN ATAU UNDANG-UNDANG

Jika terdapat pengenalan atau pindaan dalam mana-mana undang-undang atau peraturan atau dalam mentafsirkannya atau dengan memenuhi mana-mana kehendak atau syarat-syarat yang menyebabkan Bank menanggung apa-apa syarat, beban atau tanggungan, maka Bank boleh menghentikan tanggungjawabnya untuk membuat atau meneruskan keseluruhan Kemudahan Pembiayaan atau mana-mana bahagian daripadanya dengan memberikan notis kepada Pelanggan tentang perkara tersebut.

20. NOTIS/PENYERAHAN PROSES UNDANG-UNDANG

20.1 NOTIS

Sebarang notis, pemberitahuan, permohonan atau tuntutan kepada pihak Pelanggan atau Bank yang harus diberikan sepertimana peruntukan Terma dan Syarat ini hendaklah secara bertulis dihantar melalui tangan atau pos ke alamat terakhir atau melalui telex atau telefaks atau melalui e-mel ke alamat e-mel yang dinyatakan dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu dan/atau Terma dan Syarat ini atau melalui sistem pesanan ringkas (SMS) ke nombor-nombor yang dinyatakan di dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu dan/atau Terma dan Syarat ini atau ke nombor-nombor sepertimana yang diberitahu secara bertulis oleh mana-mana pihak atau ke alamat terakhir atau alamat e-mel terakhir. Notis tersebut dikira lengkap penyerahannya selepas tujuh (7) hari dari tarikh notis tersebut dipos atau sejurus ianya difaksikan atau diberi notifikasi melalui SMS atau apabila dihantar tanpa apa-apa mesej kesilapan (*error message*) bagi penghantaran melalui e-mel atau sekiranya diserahkan secara kendiri pada tarikh notis diterima.

Sebarang pertukaran alamat penyerahan mana-mana pihak tidak akan memberikan apa-apa kesan atau mengikat pihak lain melainkan satu notis memaklumkan penukaran alamat telah diberikan dan penyerahan perkara tersebut di atas tidak akan terjejas dengan penukaran alamat tersebut jika pihak yang satu lagi tidak mengetahui akan penukaran alamat pada masa ianya dilakukan.

Bank boleh juga memberi notis atau pemberitahuan melalui pengiklanan di suratkhabar atau menampal notis di premis Bank sebagai notis umum dan notis tersebut akan dianggap sebagai notis yang sah.

Sekiranya Pelanggan mempunyai sebarang aduan, Pelanggan boleh menghubungi Bank di:

Client Relationship Management
Bank Pertanian Malaysia Berhad,
Lebuh Pasar Besar,
Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-2476
Faksimili: 603-26917790
Emel: customer@agrobank.com.my

21. PENYERAHAN PROSES UNDANG-UNDANG

- (i) Penyerahan mana-mana proses undang-undang boleh dibuat dengan surat berdaftar dihantar ke alamat penyerahan yang berkenaan dan proses undang-undang tersebut akan dikira lengkap penyerahannya selepas tamat tujuh (7) hari dari tarikh surat tersebut dipos dan jika dihantar secara serahan kendiri, pada hari surat tersebut dihantar atau diserahkan.
- (ii) Sebarang pertukaran alamat penyerahan mana-mana pihak tidak akan memberikan apa-apa kesan atau mengikat pihak lain melainkan satu notis memaklumkan pertukaran alamat telah diberikan dan apa-apa juga yang dilakukan menurut subfasal (i) tidak akan terjejas dengan penukaran alamat tersebut jika pihak yang satu lagi tidak mengetahui hal tersebut pada masa perkara tersebut dilakukan.
- (iii) Istilah "Proses Undang-undang" hendaklah termasuk Notis Tuntutan, pliding, segala bentuk saman pemula, permohonan interlokutori, afidavit, perintah selain daripada yang dinyatakan terdahulu yang perlu diserahkan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, Akta Syarikat 2016, Kanun Tanah Negara dan mana-mana undang-undang yang terpaktai di Malaysia.

22. LAIN-LAIN

22.1 MASA

Masa merupakan inti pati kepada perjanjian ini.

22.2 UNDANG-UNDANG

Terma dan Syarat ini dan/atau dokumen sekuriti hendaklah terikat dan ditafsirkan dalam segala aspek mengikut Undang-Undang Malaysia dan pihak-pihak dalam Terma dan Syarat ini hendaklah menyerahkan semua perkara berkaitan dengan obligasi dan liabiliti pihak-pihak di bawah Terma dan Syarat ini dan/atau dokumen sekuriti kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

22.3 AKTA PENCEGAHAN PENGGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

Pelanggan tidak dibenarkan untuk menggunakan Kemudahan Pembiayaan untuk aktiviti-aktiviti haram seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) (kesalahan pengubahan wang haram).

23. HAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN BERSAMA (CONCURRENT ACTION)

Walau apapun peruntukan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, pihak Bank berhak mengambil semua atau mana-mana remedи yang dinyatakan melalui Terma dan Syarat ini atau melalui mana-mana Akta dan berhak untuk melaksanakan remedи tersebut secara bersama-sama atau berasingan termasuk remedи untuk penjualan atau pemilikan atau tindakan sivil untuk mendapatkan semula jumlah Keterhutangan Bank di atas kegagalan atau kemungkiran Pelanggan memenuhi apa-apa terma, wad, stipulasi dan/atau akujanji yang diperuntukkan dalam Terma dan Syarat ini.

24. PENYATA AKAUN

Apa-apa penyata akaun yang dikeluarkan oleh Bank dan ditandatangani oleh Pengurus atau mana-mana kakitangan Bank yang diberikan kuasa atau oleh mana-mana Peguam Bank berhubung dengan jumlah yang tertunggak/terhutang atau yang kena bayar oleh Pelanggan akan menjadi bukti jumlah terhutang yang nyata kepada Pelanggan untuk semua tujuan (termasuk prosiding undang-undang) kecuali terdapat kesilapan yang nyata.

25. PENDEDAHAN MAKLUMAT (DISCLOSURE)

Tertakluk kepada perenggan berikutnya, Bank pada bila-bila masa boleh mendedahkan kepada mana-mana pihak yang menghendaki maklumat atau akses kepada apa-apa dokumen atau rekod, atau maklumat mengenai dokumen Kemudahan Pembiayaan atau aset atau hal ehwal Pelanggan (termasuk akaun Pelanggan atau akaun masa depan Pelanggan dengan Bank, sekiranya perlu) dengan syarat pihak yang menerima maklumat tersebut daripada Bank boleh diminta untuk mengakujanji untuk mengekalkan kerahsiaan dokumen, rekod atau maklumat yang diterima.

Pelanggan mengakui memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan apa-apa dokumen atau rekod atau maklumat berkenaan dokumen Kemudahan Pembiayaan atau aset atau hal ehwal Pelanggan:

- (a) Kepada entiti dalaman Bank atas dasar keperluan, termasuk kakitangan Bank, individu yang sedang menjalani latihan praktikal dengan Bank atau individu yang sedang menjalani program latihan industri dengan Bank; atau
- (b) kepada Unit Kredit Sentral, BNM, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) termasuk sepertimana dikehendaki di bawah peruntukan Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) bagi tujuan memudahkan pertukaran maklumat dan menurut perkiraan atau perjanjian percukaian yang berkuatkuasa di bawah seksyen 132, 132A atau 132B Akta Cukai Pendapatan 1967; atau
- (c) kepada mana-mana rakan kongsi strategik produk dan perkhidmatan Bank yang berada di bawah obligasi kerahsiaan dengan Bank; atau
- (d) kepada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pengawal selia atau badan kerajaan atau separa kerajaan yang berkaitan di Malaysia yang mempunyai bidang kuasa ke atas salah satu pihak atau atas Kemudahan Pembiayaan; atau
- (e) kepada mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pengawal selia atau badan kerajaan atau separa kerajaan yang berkaitan di Malaysia di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi tujuan penyiasatan atau pendakwaan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang; atau
- (f) kepada mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk institusi kewangan yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan) atau lain-lain penasihat profesional (termasuk pembekal sumber luaran, ejen kutipan hutang, auditor Bank, peguam, ejen, perunding); atau
- (g) kepada pihak Pemberi Sekuriti; atau
- (h) kepada mana-mana syarikat pengendali takaful yang diluluskan oleh Bank atau syarikat takaful lain (jika perlu) sekiranya terdapat sebarang permohonan untuk perlindungan takaful dikemukakan oleh Pelanggan kepada mana-mana syarikat pengendali takaful yang diluluskan oleh Bank atau syarikat takaful lain; atau
- (i) untuk atau berhubung dengan apa-apa tindakan undang-undang, saman atau prosiding berkenaan Kemudahan Pembiayaan atau sekuriti; atau
- (j) kepada mana-mana pihak ketiga, sekiranya diperlukan oleh apa-apa undang-undang, peraturan atau undang-undang kecil; atau
- (k) kepada mana-mana pihak menurut kepada apa-apa pengaturan, komposisi, penstruktur atau apa-apa cadangan pengaturan, komposisi atau penstruktur antara kreditor Pelanggan; atau
- (l) menurut apa-apa peruntukan undang-undang atau sapina.

Pendedahan dokumen, rekod dan/atau maklumat tersebut hanya dibuat oleh pihak Bank kepada mana-mana pihak yang berkaitan bagi keperluan yang berkaitan atas dasar kerahsiaan.

Pelanggan dengan ini mengesahkan dan bersetuju dengan kebenaran yang diberikan di bawah perenggan ini adalah untuk tujuan Seksyen 120 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) (dan termasuk apa-apa perubahan, modifikasi, penukaran dan pindaan ke atasnya) dan tiada keperluan kebenaran lanjut daripada Pelanggan untuk tujuan yang dinyatakan dalam perenggan ini.

Pelanggan juga mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca terma-terma polisi Perlindungan Data Peribadi (PDP Polisi) yang boleh diakses melalui laman sesawang Bank di www.agrobank.com.my.

Tanpa mengambil kira peruntukan di atas, Pelanggan boleh pada bila-bila masa menarikbalik atau membatalkan kebenaran tersebut secara bertulis sepertimana dalam klausa Notis kecuali pendedahan tersebut adalah perlu bagi Bank untuk mematuhi mana-mana undang-undang atau keperluan kontrak.

26. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709) (PDPA)

- 26.1 Dalam urusan Pelanggan dengan Bank, Bank boleh meminta Pelanggan untuk mengemukakan data peribadi mereka dan jika berkenaan, pekerja, ejen, pengarah, pihak yang boleh dihubungi, pemegang saham, wakil, pihak yang diberi kuasa dan butiran pemegang saham seperti yang didedahkan oleh Pelanggan sebelum atau semasa pelaksanaan dokumen Kemudahan Pembiayaan bagi pelaksanaan kontrak, pemasaran, aktiviti perniagaan yang sah, pentadbiran dan tujuan kecekapan ekonomi.

- 26.2 Pelanggan dengan ini memberi jaminan kepada Bank bahawa Pelanggan telah mendapatkan kebenaran atau di mana berkenaan, hendaklah mendapatkan kebenaran daripada pekerja, ejen, pengarah, pihak yang boleh dihubungi, pemegang saham, wakil dan pihak yang diberi kuasa berhubung dengan pendedahan dan pemprosesan data peribadi mereka untuk tujuan yang tersebut di atas.
- 26.3 Pelanggan bersetuju dan membenarkan Bank untuk memproses (seperti yang ditakrifkan di bawah PDPA) termasuk memindahkan data peribadi Pelanggan kepada pihak luar yang lain di Malaysia dan di negara-negara lain, termasuk pihak / badan yang disenaraikan di bawah Klausus 25 di atas untuk penyelenggaraan, penyimpanan dan pengekalan data peribadi Pelanggan, di dalam atau di luar Malaysia berhubung dengan permohonan Pelanggan untuk produk dan perkhidmatan dan seterusnya untuk terus melaksanakan perjanjian kontrak yang dibuat antara Pelanggan dan Bank.
- 26.4 Tanpa mengambilira peruntukan di atas, Pelanggan boleh pada bila-bila masa menarikbalik atau membatalkan kebenaran tersebut secara bertulis sepetimana dalam klausus Notis kecuali pendedahan tersebut adalah perlu bagi Bank untuk mematuhi mana-mana undang-undang atau keperluan kontrak.
- 26.5 Pelanggan bersetuju bahawa pihak Bank, kakitangannya, wakil dan/atau ejennya boleh menghubungi Pelanggan dari masa ke masa melalui lawatan secara peribadi atau komunikasi lisan yang dilakukan melalui apa-apa cara komunikasi termasuk panggilan telefon tentang apa-apa produk dan promosi perkhidmatan melainkan Pelanggan membantah secara bertulis.
- 26.6 Pelanggan mengesahkan bahawa semua maklumat dan data peribadi yang dinyatakan dalam dokumen ini semuanya benar, terkini dan tepat dan jika terdapat apa-apa perubahan dalam apa-apa maklumat atau data peribadi yang dinyatakan dalam dokumen ini, Pelanggan hendaklah memberitahu Bank dengan kadar segera secara bertulis.
- 26.7 Pelanggan mengaku bahawa Pelanggan telah membaca terma-terma polisi Perlindungan Data Peribadi ("Polisi PDP") yang boleh diakses melalui laman sesawang Bank di www.agrobank.com.my. dan sekiranya perlu, Pelanggan telah mendapatkan bantuan serta penjelasan sewajarnya dari pihak Bank sebelum Pelanggan bersetuju dengan transaksi ini. Pelanggan bersetuju untuk mematuhi terma Polisi PDP dan segala atau apa-apa pindaan akan datang.

27. KEMUNGKIRAN BERSILANG (CROSS DEFAULT)

Pelanggan hendaklah mematuhi dan bertanggungjawab di atas sebarang hutang lain yang ditanggung oleh Pelanggan. Dalam kejadian di mana Keterutangan tersebut atau apa-apa pembiayaan / keterutangan lain di Bank atau mana-mana institusi kewangan lain perlu dibayar terlebih awal atas sebab-sebab kemungkirian atau kegagalan bayaran balik pada tarikh matang Kemudahan Pembiayaan tersebut dan /atau kemudahan pembiayaan lain samada di Bank atau institusi kewangan lain atau perlu dibayar apabila dikenakan tuntutan atau pembiayaan/pinjaman tersebut dikenakan perintah bayar, Bank berhak menarik balik dan membatalkan Kemudahan Pembiayaan ini.

28. INDEMNITI

Pelanggan hendaklah pada setiap masa menanggung rugi Bank atas segala kerugian, kerosakan, tuntutan, prosiding, tindakan, penalti dan perbelanjaan (tidak terhad kepada kos guaman atas dasar indemnititi penuh) pada bila-bila masa oleh mana-mana pihak terhadap Bank sekiranya berlaku perkara-perkara kemungkirian dalam Terma dan Syarat ini disebabkan oleh tindakan yang disengajakan dan/atau kecuaian Pelanggan..

29. KEBOLEHASINGAN

Sebarang peruntukan di dalam Terma dan Syarat ini yang tidak berkenaan dengan rukun, siahah, transaksi jual beli tertakluk kepada kehendak Syariah yang didapati tidak sah atau tidak boleh diambil tindakan, tidak akan menjelaskan kesahihan dan keupayaan untuk diambil tindakan terhadap peruntukan-peruntukan yang lain.

30. KESELURUHAN PERJANJIAN

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersesama dengan Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu. Syarat-syarat dan terma-terma yang dinyatakan dalam Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu (termasuk lampiran-lampiran, sekiranya ada) dan Terma dan Syarat ini (termasuk apa-apa pindaan yang kemudiannya dibuat oleh pihak Bank yang boleh diakses melalui laman sesawang Agrobank di www.agrobank.com.my) adalah merupakan keseluruhan perjanjian antara pelanggan dan Bank.

31. KEPATUHAN SYARIAH

Meskipun terdapat apa-apa yang dinyatakan sebaliknya, apa-apa terma dalam Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.

32. SURATCARA UTAMA

Dengan ini adalah dipersetujui bahawa Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu adalah suratcara yang digunakan untuk tujuan satu transaksi di bawah maksud Seksyen 4(3) Akta Setem 1949 dan untuk tujuan Seksyen tersebut, Perjanjian Pembiayaan Ar-Rahnu tersebut hendaklah disifatkan sebagai Suratcara Utama dan tertakluk kepada bayaran duti setem.

-TAMAT-